

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJAH AZIZAH BINTI DATUK SERI
PANGLIMA HAJI MOHD DUN [BEAUFORT]**

TARIKH : 11 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 3

DATUK HAJAH AZIZAH BINTI DATUK SERI PANGLIMA HAJI MOHD DUN [BEAUFORT] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sejauh manakah perkembangan program PeKa B40 dan setakat ini berapakah bilangan yang mendapat manfaat daripada program ini khususnya di negeri Sabah.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Skim Peduli Kesihatan untuk Kumpulan B40 atau dikenali sebagai PeKa B40 telah dilaksanakan di seluruh Negara sebagai fasa ujian operasi bermula 15 April 2019. PeKa B40 memberi fokus kepada saringan kesihatan bagi penyakit tidak berjangkit. Empat pakej manfaat yang ditawarkan adalah;

1. Saringan Kesihatan;
2. Bantuan Alat Perubatan;
3. Insentif Melengkapkan Rawatan Kanser; dan
4. Insentif Tambang Pengangkutan.

Skim ini dilaksanakan dengan kerjasama klinik perubatan umum swasta yang berminat dan enam (6) makmal swasta berangkaian yang dikontrak. Sehingga 10 Julai 2019, terdapat sebanyak 1,172 klinik

perubatan umum swasta yang telah berdaftar sebagai Klinik PeKa B40. Seramai 27,610 penerima Bantuan Sara Hidup (BSH) dan pasangan mereka yang berdaftar, berumur 50 tahun dan ke atas telah pun menjalani saringan kesihatan di bawah PeKa B40. Penerima yang telah berbuat demikian juga telah mula menikmati Manfaat 2, 3 dan 4 seterusnya. Sebanyak RM 1, 362,392.00 telah pun digunakan dalam pembayaran manfaat-manfaat ini sehingga tarikh 30 Jun 2019.

Yang di-Pertua,

Untuk makluman, di negeri Sabah jumlah keseluruhan penerima BSH yang berumur 50 tahun dan ke atas adalah seramai 293,763 orang. Bagi projek perintis ini, dengan peruntukan RM100 juta untuk seluruh Negara, maka adalah dianggarkan sekitar 59,613 orang rakyat negeri Sabah berpeluang menjadi penerima manfaat PeKa B40 berdasarkan konsep '*first come, first serve*' (dengan izin). Sehingga 10 Julai 2019, seramai 2,325 orang penerima manfaat telah menjalani saringan kesihatan di bawah PeKa B40. Ini menjadikan Sabah negeri kelima tertinggi mengecapi saringan kesihatan, selepas Sarawak, Kedah, Pulau Pinang dan Perak.

Adalah diharapkan agar lebih ramai rakyat kumpulan B40 yang layak, mengambil peluang menjalani saringan kesihatan untuk menikmati kesemua manfaat yang ditawarkan melalui skim ini. Buat masa ini, KKM sedang mempergiatkan lagi aktiviti promosi dan publisiti sama ada di media cetak, elektronik dan media sosial. Sesi penerangan secara bersemuka juga diadakan untuk menggalakkan kumpulan sasaran tersebut menyemak kelayakan dan seterusnya pergi menjalani saringan kesihatan di klinik PeKa B40.

Sekian, terima kasih.